



ISMAIL

Kaji semula harga siling penutup mulut dan hidung

Putrajaya: Kerajaan akan melihat semula harga siling penutup mulut dan hidung yang ditetapkan RM2 sekeping berikutan ia dianggap mahal.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara berkenaan akan dibincangkan dalam mesyuarat hari ini memandangkan harga siling bagi penutup mulut dan hidung pada masa ini adalah tinggi.

"Perdana Menteri juga tidak bersetuju dengan harga yang terlalu tinggi tersebut dan kita akan adakan mesyuarat esok, supaya pihak KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) melihat semula harga itu.

"Kita mahu ia (harga) diturunkan, kalau boleh diturunkan lebih banyak lagi," katanya pada sidang media selepas mesyuarat khas menteri-menteri berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan di sini, semalam.

Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata, tidak ada sebab untuk harga penutup mulut dan hidung dinaikkan, memandangkan kerajaan sudah bersetuju untuk menghapuskan duti import bagi pembelian peralatan itu.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, harga siling topeng muka atau penutup mulut dan hidung dinaikkan daripada 80 sen kepada RM2 sekeping, selain membenarkan import barangan itu, susulan kekurangan bekalan di pasaran domestik. - Bernama